

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program-program memperkasakan ekonomi kaum India yang telah dilaksanakan setakat ini dengan meminta kaum India menaruh kepercayaan 'Nambikai' kepada Kerajaan Barisan Nasional. Apakah hasil daripada program-program berkenaan?

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak tahun 2009, banyak usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperkasakan ekonomi kaum India termasuklah menyediakan akses bantuan kewangan kepada usahawan India melalui SME Bank, TEKUN Nasional dan Amanah Iktihar Malaysia. Kerajaan juga menubuhkan Sekretariat Khas Bagi Memperkasakan Usahawan India (SEED) sebagai agensi perantara untuk usahawan India dan institusi dan agensi kewangan.

TEKUN Nasional telah mewujudkan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) sejak tahun 2008 untuk membantu memberi pinjaman mikro kepada usahawan masyarakat India. Selain itu, TEKUN Nasional juga dengan kerjasama Sekretariat SEED menjalankan latihan keusahawanan untuk memperkasakan kemahiran perniagaan usahawan India. Sejumlah 15,129 usahawan India yang berjaya mendapat pembiayaan TEKUN berjumlah RM180.5 juta sejak 2008.

Selain itu, Amanah Iktihar Malaysia (AIM) juga menyalurkan pinjaman perniagaan khusus kepada usahawan wanita India. Dari tahun 1998 hingga kini, sejumlah RM62.56 juta telah disalurkan kepada 7,757 usahawan wanita di bawah skim AIM. AIM juga dengan kerjasama Sekretariat SEED telah menubuhkan Unit Khas Sahabat India untuk memantau prestasi usahawan wanita India di dalam skim AIM.

Dalam pada itu, TEKUN Nasional dengan kerjasama Sekretariat SEED menjalankan program-program latihan keusahawanan bagi mengembangkan perniagaan usahawan-usahawan India. Di antara program-program yang dijalankan adalah:

- Kursus Asas Keusahawanan (KAK) / Seminar Asas Keusahawanan (SAK)
- Kursus Asas Keusahawanan Khas SPUMI
- Kursus Pengurusan Perniagaan (KPP)
- Seminar Keusahawanan TEKUN Nasional
- Program Melahir dan Membina Usahawan (PMMU) TEKUN Nasional
- Kursus Asas Kemahiran Jahitan di Pusat Latihan dan Kegiatan Jahitan TEKUN Nasional

Latihan seumpama ini telah membantu meningkatkan prestasi usahawan India dalam bidang perniagaan. Jumlah kelulusan pinjaman juga telah meningkat setelah latihan kesedaran sebegini dijalankan di kalangan usahawan India.

Sekian, terima kasih.